



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN KERAMAT MAQIS

1. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merupakan sebuah badan penguatkuasa yang telah dipertanggungjawabkan sebagai **benteng utama bagi menjaga jaminan bekalan dan keselamatan makanan negara**. Oleh itu, kawalan biosecuriti yang ketat dilaksanakan bagi menjaga keterjaminan makanan negara (*food security*), terutamanya dalam aspek *food safety* dan *biosecurity* dengan memastikan setiap keluaran pertanian dan produk agromakanan yang diimport adalah selamat, tidak mempunyai perosak dan penyakit, berkualiti dan halal untuk kesejahteraan rakyat.

2. **Keramat MAQIS yang dilafazkan pada setiap hari** oleh semua warga kerja MAQIS akan menjadi doa dan janji di dalam hati dan diri setiap warga kerja MAQIS sebelum memulakan kerja mencari rezeki yang halal lagi barakah.

3. Usaha sebegini patut dipuji dan dicontohi oleh Jabatan dan Agensi lain dalam usaha membentuk sebuah Jabatan yang bebas rasuah dengan warga kerjanya yang membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

4. Usaha sebegini juga dilihat menyokong aspirasi Kerajaan yang berusaha dalam pemantapan governans, integriti dan antirasuah melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 yang secara rasminya telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari yang lalu.

5. Ia mengandungi 22 strategi yang akan diberi keutamaan bagi enam sektor utama di mana ia mengandungi 115 inisiatif berkaitan antirasuah untuk mencapai aspirasi negara supaya “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.
6. Pelan Antirasuah Nasional juga berkait rapat dengan Hala Tuju Kelima yang digariskan dalam Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020 iaitu memperkuuh struktur organisasi Jabatan dan Agensi di bawah MOA untuk menambahbaik sistem penyampaian serta tadbir urus (*governance*).
7. Tidak kira bagaimana rasuah ditafsirkan hari ini, satu perkara yang jelas, integriti dan tadbir urus merupakan penyelesaian bersama kepada gejala rasuah. Ringkasnya, tiada rasuah jika manusia bertindak secara berintegriti; konsisten dalam melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang memerhatikan tindakan tersebut. “Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”, begitulah perumpamaan sekiranya integriti pegawai awam tidak diutamakan akan menyebabkan imej, persepsi dan kepercayaan masyarakat terhadap sesebuah organisasi terjejas.
8. Adalah diharapkan agar dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, penjawat awam mempamerkan sikap tegas, berani, adil dan sanggup mengambil risiko bagi menentukan integriti dan governans tidak dikompromi. Bak kata pepatah “Berani kerana benar, takut kerana salah”.

**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
(MAQIS)**
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
20 OGOS 2019

Pegawai untuk dihubungi:
Puan Nurul Nadia Binti Che Mohd Noor
03-8870 8098 / 014-237 5939

